

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menetapkan harga lantai bagi getah beku dan jika tiada apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani harga getah yang sedang menjunam ke paras terendah sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisma "*social safety net*" yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisma ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini diluluskan oleh Kerajaan.

Selain itu, pada bulan Mei yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM130 juta di bawah Skim Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini adalah sebagai langkah segera untuk membantu pekebun kecil dan penoreh getah menghadapi kesan kejatuhan harga getah pada masa ini.

Di peringkat antarabangsa, menerusi *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincang langkah-langkah yang lebih berkesan yang harus diambil untuk memperkukuhkan harga getah di pasaran. Satu persetujuan dijangka akan dicapai dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.